



كمنتريِن سومبرِ۲ اوتام دان قلنچوغن
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**“BENGKEL PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI
(COMMUNITY-BASED TOURISM)”**

**DEWAN SETIA PAHLAWAN,
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM**

24^{HB} JUN 2019, ISNIN



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**“BENGKEL PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI
(COMMUNITY-BASED TOURISM)”**

24^{HB} JUN 2019, ISNIN

1. Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Bahagian Majlis Perundingan Mukim dan Kampong telah mengadakan ‘Bengkel Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community-Based Tourism*)’ pada 24^{hb} Jun 2019. Seramai 70 peserta telah menyertai bengkel tersebut terdiri daripada ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampong. Hadir bagi melancarkan bengkel tersebut ialah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
2. Antara lain tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk mengongsikan piawaian ASEAN bagi perkhidmatan komuniti seperti penginapan inap desa dan aktiviti-aktiviti pelancongan berasaskan komuniti. Peserta bengkel juga turut sama diberikan taklimat mengenai langkah-langkah dan pendekatan untuk menghasilkan satu produk satu kampung (1K1P) yang diselaraskan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan mendengarkan beberapa pengalaman dan amalan terbaik yang dikongsikan oleh pengusaha-pengusaha pelancongan berasaskan komuniti tempatan yang telah memenangi Anugerah ASEAN Community-Based Tourism di Vietnam pada bulan Januari 2019.
3. Bengkel ini diharapkan akan dapat memberi dorongan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan berasaskan komuniti untuk berusaha lebih gigih untuk mencapai pengiktirafan peringkat ASEAN dan memenuhi piawaian ASEAN dan seterusnya melayakkan mereka untuk dicalonkan bagi Anugerah berprestij ASEAN Community-Based Tourism, iaitu satu platform bagi mendapatkan pengiktirafan dan publisiti lebih meluas ke peringkat serantau.
4. Bengkel ini juga, akan dapat memberi kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam mengenai peluang-peluang yang boleh diraih daripada memajukan pelancongan berasaskan komuniti disamping memberikan nilai tambah, serta mengubah minda dan cara ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampong ke arah yang lebih positif serta meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan di

kampong masing-masing dengan melibatkan kerjasama pintar (*smart partnership*) ejen-ejen pelancongan dan semua pihak pemain industri (*industry players*) serta pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi membantu masyarakat setempat mendapatkan manfaat dan faedah sepenuhnya, Serta diharapkan dapat menjana peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

5. Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi mesyuarat-mesyuarat menteri ASEAN Tourism Forum 2020 dan TRAVEX yang akan berlangsung dari 12 hingga 16 Januari 2020 yang mana akan memberikan peluang untuk memperkenalkan produk-produk pelancongan yang sedia ada dan yang baru kepada pelancong-pelancong dari luar negara. Pelancongan berasaskan komuniti akan menjadi salah satu produk yang ingin diketengahkan semasa mesyuarat dan forum itu nanti.

-Tamat-